



**OPERASI:** Lee ditemani penguat kuasa ketika menemui gelandangan dalam operasi di sekitar bandar raya Miri malam kelmarin.

## Seramai 13 gelandangan ditemui dalam operasi JPBB Miri

**MIRI:** Dua gelandangan warga Indonesia antara 13 orang ditemui ketika Operasi Pemantauan Gelandangan Daerah Miri malam kelmarin.

Kedua-dua mereka didapati tidak mempunyai dokumen pengenalan diri dan diserahkan kepada Jabatan Imigresen Bahagian Miri.

Empat gelandangan dihantar balik ke rumah masing-masing oleh pasukan penguat kuasa Majlis Bandaraya Miri (MBM).

Sementara yang lain dinasihati ke Pusat Pemindahan Sementara Gelandangan (PPSG) dan mendaftar mendapatkan vaksin COVID-19.

Operasi bermula jam 10

malam hingga 1 pagi turut melibatkan kerjasama Pejabat Residen, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA).

Menteri Pengangkutan Sarawak merangkap menteri bertanggungjawab terhadap Jawatankuasa Pengurusan Bencana Bahagian (JPBB) Miri Datuk Lee Kim Shin berkata, operasi itu memantau dan mengenal pasti gelandangan bagi program vaksinasi.

“Siasatan dan semakan masih dilakukan oleh pegawai kebajikan dan bagi gelandangan yang tidak mempunyai saudara atau tempat tinggal di sini akan diletakkan di PPSG,” jelasnya.

Lee meminta kerjasama penduduk segera membuat laporan kepada JKM tentang gelandangan di sini. Mereka boleh menghubungi talian 085-419072 dan 085-419073.

Beliau berharap semua penduduk berganding bahu membendung penularan jangkitan COVID-19 dan bekerjasama mencapai imuniti kelompok dengan mendapatkan vaksin.

Hadirsama Timbalan Ketua Polis Daerah Miri Superintenden Mohd Sabri Zainol, Pegawai Kebajikan Masyarakat Miri Pengiran Mohamad Najib, Pegawai RELA Miri Mohamad Afizi Salam dan Pemangku Residen Bahagian Miri Jamalie Busri.

Utusan Borneo

20/07/2021